



TERTARIK... Lee memerhatikan binaan RWO-SHR antarabangsa bersama Presiden RWO-SHR, Geraldine Tay.

Aids: Badan bincang didik masyarakat

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kabinet Mengenai Aids akan bermesyuarat pada awal bulan depan untuk membincangkan cara mendidik masyarakat bagi memerangi penyakit itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai berkata, jawatankuasa yang dipengeruskannya dan dianggotai ahli lapan kementerian itu akan membincangkan masalah penyakit Aids secara menyeluruh.

"Jawatankuasa akan membincang dan mengatur program pendidikan menerusi lapan kementerian terutama Kement-

erian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Belia dan Sukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa kaedah perubahan tradisional RWO-SHR 1992 di sini semalam.

Katanya, program pendidikan yang diatur oleh jawatankuasa itu akan menumpukan kepada golongan berumur di antara 20 hingga 40 tahun.

"Ini adalah langkah mendidik kerana mereka adalah golongan majoriti penghidap Aids," katanya.

Beliau berkata, sehingga 30 Jun lalu, kement-

erian mengenal pasti 3,500 pembawa virus penyakit itu. Daripada jumlah itu, 81 peratus adalah penagih dadah.

Mengenal sama ada kementerian akan menghalang pesakit Aids mendapatkan rawatan secara tradisional untuk mengubati penyakit itu, Lee berkata, kementeriannya tidak menghalang kerana itu adalah hak pesakit.

"Bagaimanapun, kementerian juga tidak akan menggalakkannya kerana kita menggunakan pendekatan perubatan saintifik untuk merawat pesakit," katanya.